



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
31 Mei 2021**

ASNB RAI PEMENANG KEMPEN JOM AUTO LABUR

Ibu lima anak bawa pulang hadiah pertama sebuah Proton Saga 1.3L Premium AT

KUALA LUMPUR, 31 Mei 2021 – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), bersama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) telah bekerjasama menjayakan kempen Jom Auto Labur bagi tahun 2020 yang bertujuan untuk menggalakkan pelaburan konsisten secara dalam talian menerusi portal myASNB. Kempen ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM84,250 termasuk hadiah utama sebuah Proton Saga 1.3L Premium AT, sebuah motosikal Yamaha Y15R, sebuah telefon bimbit iPhone 12 Pro dan unit-unit amanah kepada pemenang bulanan.

Kempen Jom Auto Labur yang dianjurkan sempena sambutan ulang tahun ASB ke-30 tahun telah berlangsung dari 1 Ogos hingga 17 Disember 2020. Kempen ini menumpukan kepada kemudahan Auto Labur yang diaktifkan melalui perkhidmatan Direct Debit oleh PayNet, membolehkan para pelabur untuk menetapkan pelaburan bulanan mereka secara automatik melalui portal myASNB. Peserta dikehendaki menetapkan pelaburan bulanan minimum sebanyak RM60 selama tiga bulan berturut-turut, manakala pengguna Auto Labur sedia ada perlu menambah pelaburan bulanan sebanyak RM30 minimum daripada pelan sedia ada.

Syahrina Azura Abdul Rahim, 47 dari Seri Kembangan, Selangor telah dipilih sebagai pemenang tempat pertama, sebuah Proton Saga 1.3L Premium AT. Hadiah tempat kedua, sebuah motosikal Yamaha Y15R, dimenangi oleh Nur Alieyah Khoo dari Kuching, Sarawak, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Nurul Zarifah Abu Bakar dari Seremban, Negeri Sembilan, yang memenangi sebuah telefon bimbit iPhone 12 Pro. Di samping itu, seramai 225 pemenang bulanan telah memenangi unit amanah bernilai RM130 setiap seorang sepanjang kempen berlangsung.

Menurut Mohammad Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, “Ini ialah satu kejayaan besar melihat kepada ketekalan pelaburan individu yang kian meningkat dan semakin ramai yang memilih unit amanah sebagai instrumen perancangan kewangan mereka.”

“Walaupun menabung dan melabur dalam situasi pandemik seperti sekarang agak mencabar, dengan melabur RM100 setiap bulan mampu memberikan impak yang besar jika dirancang dalam suatu jangka masa yang panjang”, tambahnya lagi.

Kemudahan Auto Labur di platform myASNB yang memanfaatkan perkhidmatan Direct Debit oleh PayNet membolehkan pelabur membuat pelaburan berkala secara automatik untuk akaun unit amanah mereka sendiri, anak-anak atau pihak ketiga. Diperkenalkan sejak 2018, Auto Labur memudahkan para pelabur yang ingin melabur secara konsisten melalui potongan terus daripada akaun bank mereka tanpa sebarang cas.

Berikutan sambutan yang menggalakkan, ASNB meneruskan kempen Jom Auto Labur bagi tahun ini, dengan lebih banyak hadiah dan lebih ramai pemenang. Kempen ini telahpun bermula pada 1 Mac dan akan berlangsung sehingga 31 Ogos 2021 dengan menawarkan jumlah hadiah keseluruhan bernilai RM360,000 untuk lebih 1,600 pemenang. Maklumat lanjut berkenaan kempen Jom Auto Labur, boleh didapati di www.myasnb.com.my dan di laman sosial media rasmi ASNB.

- *Tamat* -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini menguruskan 15 dana unit amanah dengan 264 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Diterbitkan oleh Permodalan Nasional Berhad